

Syor mansuh PTPTN tak pengaruhi pola undian

» Isu utama ditekankan pendidikan, rasuah, salah guna kuasa

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Cadangan pemansuhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak mempengaruhi pola pengundian mahasiswa dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Melalui kajian Yayasan Ehdwal Siswazah (YES) di Universiti Putra Malaysia (UPM), isu berkenaan hanya menduduki tempat ke-10 atau 2.9 peratus daripada 46 isu utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Isu utama

Felo Penyelidik Utama Institut Pengajian Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, berkata responden menyatakan isu utama ditekankan ialah pendidikan (10.2 peratus) dan rasuah serta penyalahgunaan kuasa (8.2 peratus).

Katanya, ia diikuti ekonomi dan kewangan (6.8 peratus), masalah dan isu sosial (6.2 peratus) serta kemiskinan, kebajikan dan bantuan kepada rakyat (5.7 peratus).

"Semua ini adalah isu yang



Dari kiri, Sulaiman, Pensyarah Bahagian Pengajian Politik, Pentadbiran Awam Universiti Malaya, Muhammad Asri Mohd Ali; Pengerusi Yayasan Hal Ehdwal Siswazah, Datuk Mohd Radzi Abdul Latif dan Pensyarah Geopolitik UKM Prof Madya Dr Mohd Fuad Mat Jali, **membentangkan hasil kaji selidik**, semalam.

(FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH)

mempengaruhi pemilihan parti oleh responden pada PRU-13," katanya ketika membentangkan hasil kaji selidik di sini, semalam.

Kaji selidik babit 1,000 pelajar

Selain itu, Sulaiman berkata, kaji selidik membabitkan 1,000 pelajar UPM itu juga mendapati mutu hidup rakyat turut mempengaruhi mahasiswa untuk menunaikan tanggungjawab mereka pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, ini diikuti oleh keamanan dan ketenteraman awam, pembangunan ekonomi negara di samping usaha membanteras rasuah.

Sulaiman berkata, kajian

“**Mutu hidup rakyat turut mempengaruhi mahasiswa menunaikan tanggungjawab mereka pada pilihan raya akan datang**”

Dr Sulaiman Md Yassin,
Felo Penyelidik Utama
Institut Pengajian
Sosial UPM

sama menunjukkan sebanyak 82.8 peratus responden berminat keluar mengundi manakala 17.2 peratus lagi tidak berikutan beberapa faktor termasuk masih tidak mendaftar sebagai pengundi dan sibuk dengan tugas.

Mengenai sistem demokrasi negara, katanya, sebanyak 56.4 peratus mempercayai sistem itu manakala bakinya 43.6 peratus bertindak sebaliknya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kajian sama menunjukkan responden menyatakan kemampuan untuk mentadbir negara, adil dan saksama adalah aspek penting yang perlu dimiliki oleh calon Perdana Menteri.